

WARISAN

KDN 7890

ISSN 1511-8320

Bil. 23, 2000



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

KANDUNGAN

- 2** Kata Alu-Aluan
Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad
- 4** Dari Meja Editor
Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
- 7** Sidang Pengarang
- 8** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Biro Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 10** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan-Kawasan 1999/2000
Kawasan Kuala Pilah.
Kawasan Port Dickson
Kawasan Tampin
Kawasan Jelebu
Kawasan Rembau
Kawasan Seremban
Kawasan Jempol
- 15** Penulisan Tentang Adat Perpatih: Satu Sorotan Awal
Aiani Sudeen
- 30** Kepimpinan Adat dalam Adat Lingkungan dan Adat Istiadat Istana
Noor Hayati Hj. Ibrahim
- 62** Adat Istiadat Melantik dan Menjemput Pulang Datuk Lembaga Luak Rembau
Tok Puteh Ramly Hj. Shamsudin

- 71** Adat Berkadim dalam Luak Jempol
Rahimi NS
- 85** Tragedi Sungai Lui
Jamaludin Samsudin dan Izhab Harun
- 92** Lintasan Sejarah Kerajaan Melayu Rembau:
Melalui Tempat dan Tinggalan Bersejarah
Norhalim Hj. Ibrahim
- 133** Kegiatan Orang Rawa di Negeri Sembilan: Satu Kajian Awal
Abd. Rahim bin Ismail
- 143** Mohd. Faridun bin Haji Jonid: Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999
dan Datuk Mangkubumi Luak Rembau
Norzali Hj. Ibrahim
- 151** Marhaban! Marhaban!! Selamat Datang!!
Za'ba
- 153** Surat kepada Ketua Editor
Rahimi NS
- 154** Cakap Eden
Jamaludin Samsudin dan Aiani Sudeen
- 155** Hiasan kulit: Istana Ampang Tinggi
Norhalim Hj. Ibrahim
- 157** Jawapan Cakap Eden
- 158** Laporan Aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan
Rembau 1999/2000
Norhalim Hj. Ibrahim
- 169** Nota kepada Penyumbang



DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD
SPNS., PSM., DSNS., PMC.
Menteri Besar Negeri Sembilan



Kata Alu-Aluan

**Menteri Besar Negeri Sembilan
merangkap
Yang Dipertua
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan**

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan kawasan-kawasannya secara tidak langsung telah menyahut seruan saya dalam "Kata Alu-Aluan" terbitan Warisan tahun lalu. Sepanjang tahun 1999 dan bahagian pertama tahun 2000, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, melalui aktiviti kawasan telah berjaya menemukan kesan baru dan memperbaiki kesan lama sejarah Negeri Sembilan. Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Jempol misalnya, dengan kerjasama Pejabat Daerah Jempol dan Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Sembilan telah berjaya mengenal pasti Jalan Penarikan. Begitu juga dengan Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau dengan kerjasama Pejabat dan Majlis Daerah Rembau sedang merancang membaik pulih kawasan bersejarah seperti Kuala (Kota) Pedas dan Danau Sisik Emas untuk dijadikan kawasan rekreasi yang boleh menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.

Di samping mengenal pasti dan membaik pulih tempat dan kesan bersejarah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan melalui Kawasan juga semakin peka dengan aktiviti seni budaya yang semakin menghilang. Semua ini adalah hasil daripada kejayaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999. Kepada semua ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan berharap akan melipatgandakan usaha-usaha berkenaan.

Sehubungan dengan perkara di atas, **Warisan** terbitan ini selain artikel-artikel biasa, cuba mengutarakan dan mengenalkan semula beberapa aspek budaya Negeri Sembilan yang kurang diketahui masyarakat umum.

Dengan terbitnya artikel-artikel tersebut, masyarakat umum khususnya orang Negeri Sembilan faham dan kenal akan budaya sendiri. Pemahaman ini akan menjadikan generasi muda mempunyai jati diri dan beridentiti. Justeru itu ia boleh menjadi benteng kepada kemasukan anasir-anasir budaya negatif yang berleluasa sekarang. Masyarakat yang tidak jati diri akan mengalami kehancuran.

Warisan terbitan pertama alaf baru ini memperlihatkan perubahan. Pertama sekali bidang jurnal ini diperluaskan merangkumi segala yang boleh dianggap sebagai warisan Negeri Sembilan. Kedua, terbitan kali ini memuatkan senarai jawatankuasa kawasan. Dengan termaktubnya senarai ini maka kita mendokumentasikan sumbangan mereka kepada pergerakan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan juga Kawasan tempat mereka bergerak aktif. Tanpa kerjasama sukarela mereka, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan tidak mungkin bergerak. Ketiga, terbitan kali ini memberikan laporan aktiviti Kawasan melalui gambar. Ini adalah juga satu usaha untuk mendokumentasikan aktiviti yang dijalankan, bukan sahaja kepada Persatuan tetapi juga bagi daerah atau kawasan berkenaan. Pendokumentasian aktiviti tersebut secara tidak langsung memberi tahu masyarakat awam bahawa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan peka dalam pembangunan jati diri berdasarkan sejarah dan budaya.

Saya harap dalam keluaran yang akan datang setiap Kawasan akan melaporkan kegiatan masing-masing dalam **Warisan**.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Pengarah **Warisan** kerana berjaya menerbitkan jurnal kali ke-23. Kepada semua penulis yang memberi sumbangan dalam penerbitan kali ini, saya bagi pihak Sidang Pengarah dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih dan berharap akan terus memberi sokongan dan sumbangan dalam terbitan-terbitan akan datang.


DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Dari Meja Editor



Manusia Berbudaya Palsu

Antara budaya dan sejarah tidak ada garis pemisah. Sejarah membentuk budaya dan begitu sebaliknya: tanpa sejarah tiada budaya. Manusia yang melupakan sejarah bererti melupakan budayanya. Manusia tanpa sejarah dan budaya ialah manusia tidak beridentiti, tidak jati diri dan tidak berperibadi.

Kita mengenali seseorang itu orang Inggeris, Jepun atau apa sahaja bangsa seantero dunia melalui sejarah dan budaya atau dalam istilah tradisi Melayu, melalui adat yang diamalkannya. Kini kebanyakan manusia Melayu, mengakui diri berbudaya atau beradat Melayu tetapi pada hakikatnya mereka tidak kenal dan tidak faham tentang budaya atau adat yang kononnya mereka amalkan. Mereka tidak tahu mengapa sesuatu adat dan istiadat itu dilaksanakan, motif di belakangnya dan tujuan yang tersirat di sebaliknya. Justeru itu mereka tidak tahu lagi apakah budaya atau adat yang mereka amalkan itu budaya atau adat Melayu atau bukan? Mereka ini adalah individu Melayu palsu.

Individu Melayu palsu ini cuba berusaha menjadi units masyarakat yang tertonjol dalam masyarakat adat atau budayanya. Sekiranya beliau beradat, ketua adat misalnya atau apa sahaja kegiatan adat yang mereka lakukan, semata-mata kerana mahukan berimej (orang beradat). Mereka, setelah 'berjaya' mencapai kedudukan dan memperoleh imej yang konon bakal mengangkat darjatnya, tidak pernah ingin memperbaiki alam minda mereka untuk memperbaiki adatnya. Malahan tidak terarah memahami keluhuran yang bergaung di bawah

adatnya. Justeru itu, mereka tidak jujur dalam mengisi kedudukan dan imej yang mereka tagih dan kemudian mereka peroleh. Bahkan, imej, kedudukan dan ilmu pengetahuan secelet yang diperolehnya dimanipulasi menjadi alasan membenarkan amalan hidup yang jelas bertentangan dan aneh mengikut tradisi adatnya. Mereka inilah yang akan mensosialisasikan generasi muda Negeri Sembilan yang bakal menggantikan mereka dalam alaf baru ini.

Antara Artikel Terbitan Kali Ini

Menyedari hakikat ini, jurnal **Warisan** terbitan pertama alaf baru ini memaparkan beberapa aspek adat atau budaya Adat Perpatih untuk tatapan dan penghayatan para pembaca. Artikel-artikel ini ialah hasil penggalian beberapa orang anak watan Negeri Sembilan yang masih sayang adatnya walaupun mereka tidak berimej 'orang beradat'. Diharap dengan adanya paparan sebegini, masyarakat khususnya para pembaca akan lebih mengenali budaya atau adat Melayu Negeri Sembilan dan sekali gus mengurangkan pencemehan tentangnya.

Warisan terbitan kali ini juga menerbitkan kata alu-aluan Tan Sri Dr. Pendeta Hj. Zainal Abidin b. Hj. Ahmad atau lebih terkenal dengan Za'ba. Kepada pengkaji Za'ba, artikel ini dapat memberi sedikit sumbangan tentang zaman persekolahan beliau di Sekolah Melayu Batu Kikir dalam tahun 1907. Artikel ini juga boleh menambah pengisian Teratak Za'ba apabila teratak ini siap nanti.

Satu lagi kelainan **Warisan** terbitan ini ialah ruangan surat daripada pembaca. Ruangan ini dimulakan oleh Rahimi NS sebagai memberi maklum kepada umum tentang akan terbitnya kamus kosa kata dialek Negeri Sembilan. Surat ini berpunca daripada artikel Jamaludin Samsudin dalam **Warisan** 22, 1999.

Warisan terbitan kali ini juga memberi laluan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan untuk melaporkan aktiviti tahunan mereka. Untuk kali ini, Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau telah menyumbangkan aktivitinya untuk tatapan dan sumbang saran kepada kawasan-kawasan lain. Sidang redaksi berharap ruangan laporan kawasan ini akan berterusan dalam setiap penerbitan **Warisan** yang akan datang. Dengan demikian, tercapailah cita-cita **Warisan**

selain menjadi arena akademik, sejarah dan budaya Negeri Sembilan juga menjadi lidah kepada aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan dan Kawasan Negeri Sembilan.

Nampaknya seruan daripada meja Pengarang Warisan 22, 1999 menjemput para penulis keturunan Cina dan India memberikan sumbangan tidak mendapat sambutan. Namun, sidang pengarang tidak berputus asa dan berharap mereka akan terpenggil untuk memberikan sumbangan dalam Warisan 24 nanti.

Terima Kasih

Akhir sekali, saya bagi pihak sidang redaksi jurnal Warisan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan (PSMCNS) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Dipertua PSMCNS atas motivasi dan sokongan yang beliau berikan. Tanpa galakan dan cabaran yang berpunca daripada minat dan kecintaan beliau terhadap sejarah dan budaya Negeri Sembilan berkemungkinan besar jurnal Warisan ini akan menjadi bahan warisan pula.

Sidang redaksi juga mengucapkan terima kasih kepada setiap penulis yang menyumbangkan artikel untuk terbitan kali ini.

Kepada para editor saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas kesudian mereka secara sukarela meluangkan masa, tenaga dan memerah otak membaca, meneliti dan memperbaiki; diikuti pula dengan mengedit dan membaca pruf pertama dan kedua terbitan ini. Kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak, terima kasih juga saya ucapkan.



*NORHALIM HJ. IBRAHIM

Sidang Pengarang

Ketua Editor

Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim

Editor

Aiani binti Sudeen

Jamaludin bin Samsudin

© Hakcipta: Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan

Warisan ialah jurnal keluaran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Makalah-makalah yang diterbitkan dalam *Warisan* bukan semestinya pendapat Ketua Editor atau Editor jurnal ini. Editor bertanggungjawab membuat pemilihan kepada kandungan *Warisan* dan berhak menolak makalah-makalah yang dirasakan tidak layak diterbitkan. Pendapat-pendapat yang dikemukakan serta ketepatan fakta-fakta yang diterbitkan dalam makalah adalah merupakan tanggungjawab penulis sendiri.

Sumbangan makalah daripada para ilmuan, budayawan, peminat sejarah dan budaya Negeri Sembilan hendaklah mengikut garis panduan yang diberikan dalam ruang "Nota kepada Penyumbang" yang diterbitkan dalam setiap isu *Warisan*. Segala surat menyurat dan sumbangan makalah hendaklah dialamatkan kepada :

Ketua Editor
Jurnal Warisan
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan
498 Lorong Margosa 16/2
Margosa Height
70400 Seremban.

Dicetak oleh:
World Machine Trading
101 Jalan Dato' Bandar Tunggal
70000 Seremban.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1999 - 2000**

Yang Di Pertua

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama
Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad
SPNS., PSM., DSNS., PMC.
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Naib Yang Di Pertua

Dato' Haji Sudin bin Kamari
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus
(hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
(mulai Oktober 1999)

- Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Pen. Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari Kehormat*** : Encik Tilak Raj Sharma
- Pen. Bendahari Kehormat*** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Pengarang Kehormat*** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Ahli Jawatankuasa*** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek
Tn. Haji Ismail bin Adnan
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
- Pemeriksa Kira-Kira*** : Tuan Haji Mohd. Jan bin Othman
Encik R. Pachappan a/l Rajagopal

JAWATANKUASA KERJA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1999/2000

Pengerusi

Dato' Haji Sudin bin Kamari
(Hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah
(Mulai Oktober 1999)

- Setiausaha** : Tn. Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Penolong Setiausaha** : Tn. Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari** : Encik Tilak Raj Sharma
- Penolong Bendahari** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek
Tn. Haji Ismail bin Adnan
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
Ustaz Sayuti bin Mamat
Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman
Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Wakil Muzium Negeri
Wakil Maktab Perguruan Raja Melewar
Wakil Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- Ketua-Ketua Biro**
- Penerbitan** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Lawatan** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
- Ceramah/Seminar** : Tn. Haji Ismail bin Adnan
- Pertandingan** : Tn. Haji Zahidin bin Haji Sidek
- Koleksi/Rakaman** : Encik Ibrahim bin Abdul Rahman
- Kewangan** : Encik Tilak Raj Sharma
- Buletin "Dari Jendela"** : Tn. Haji Mohd. Misan bin Mastor

**JAWATANKUASA KAWASAN-KAWASAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

KAWASAN KUALA PILAH

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Naib Yang Dipertua	: Alias bin Abdul Ghani
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Noor bin Abdul Ghani
Pen. Setiausaha Kehormat	: Rokiah bte. Yusof
Bendahari Kehormat	: Tan Lye Kiat
Ahli Jawatankuasa	: Alias bin Tijad
	Salma bin Mustapa
	Sabariah bte. Shukur
	Abd. Latif bin Idrus
	Tn. Haji Annuar bin Yaacob
	Abdul Rahman bin Ismail
	Zainal bin Adam
	Lee Chin Siong
	Chan Meng Chai
	Pn. Hajjah Rohayati binti Abdullah
	Zakaria bin Sulaiman
	M. Sokanathan
	Zakiah
Pemeriksa Kira-kira	: Maspan bin Mat Ubin
	Yaakob bin Salleh

KAWASAN PORT DICKSON

Penaung	: YB. Tuan Haji Sainy bin Edris
Yang Dipertua	: Malik bin Sohor
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamarudin bin A. Hassan
Setiausaha Kehormat	: Abd. Rahim bin Ismail
Pen. Setiausaha Kehormat	: Azmi bin Ayob
Bendahari Kehormat	: Rusiah binti Jalil
Ahli Jawatankuasa	: Hassan bin Hamzah Awalludin bin Abu Hassan Azmi bin Mohammad Abd. Razak bin Ibrahim Muzahar bin A. Samad Kuttappan Zaharah binti M. Nadzir Toh Hong Su Zakaria bin Mohamad P. Kandasamy
Pemeriksa Kira-Kira	: Shamsuddeen bin Abd. Aziz Yeo Ing Kiat

KAWASAN TAMPIN

Yang Dipertua	: Tn. Haji Ismail bin Adnan
Naib Yang Dipertua	: Kamarudin bin Udin
Setiausaha Kehormat	: Pn. Hajjah Esah binti Jantan
Pen. Setiausaha Kehormat	: Tn. Haji Mohd. Isa bin Haji Wahab
Bendahari Kehormat	: Tn. Haji Ibrahim bin Yon
Ahli Jawatankuasa	: Mohd. Kadzri bin Haji Ibrahim Nordin bin Mohd. Nor Rokiah binti Kamaruddin

	Mohd. Jaafar bin Kassim
	Mohd. Farid bin Haji Mohd. Yatim
	Abara bin Ahmad Munir
	Vickraman
	Tn. Haji Azam bin Md. Atan
	Nordin bin Sulaiman
	Kassim bin Ahmad
Pemeriksa Kira-Kira	: Tn. Haji Hussin bin Hassan Jabal
	Maspan bin Ubin

KAWASAN JELEBU

Penaung	: Yang Teramat Mulia Dato' Mendika
	Menteri Akhirulzaman Dato' Haji
	Musa bin Wahab
Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman
Naib Yang Dipertua	: Zakaria bin Arshad
Setiausaha Kehormat	: Tn. Haji Ibrahim bin Che' Mat
Pen. Setiausaha Kehormat	: Idris bin Haji Ludin
Bendahari Kehormat	: Tn. Haji Syed Loed bin Syed Yusof
Ahli Jawatankuasa	: Mohd. Amir bin Mohd. Baki
	Jamali bin Salam
	Baharom bin Mohd. Amin
	Tn. Haji Husein bin Rashid
	Samsudin bin Hamidan
	Haliza binti Yusof
	Mohd. Razali bin Abdul Rahman
	Zainab binti Idris
Pemeriksa Kira-Kira	: Razak bin Junus
	Tn. Haji Zainal Abidin bin Hj. Ahmad

KAWASAN REMBAU

Penaung	: Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Dato' Mohd. Sharip bin Haji Othman
Yang Dipertua	: Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Faiz b. Hj. Burhanuddin
Setiausaha Kehormat	: Mohamad bin Haji Amoi
Pen. Setiausaha Kehormat	: Norzali bin Haji Ibrahim
Bendahari Kehormat	: Dato' Haji Nordin bin Awal
Ahli Jawatankuasa	: Datuk Purba Yahya bin Abdul Ghani Tok Putih Ramly bin Hj. Shamsuddin Tn. Haji Zainudin bin Alias Hamzah bin Majid Tn. Haji Abdul Aziz bin Haji Ahmad Taha bin Mohideen Aiani binti Sudeen
Pemeriksa Kira-kira	: Nordin bin Baharom

KAWASAN SEREMBAN

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Naib Yang Dipertua	: Latifah binti Mohd. Rashid
Setiausaha Kehormat	: Zainab binti Yacob
Pen. Setiausaha Kehormat	: Sadariah binti Md. Jali
Bendahari Kehormat	: Norlia binti Abd. Karim
Pen. Bendaharai Kehormat	: Siti Zaharah binti Abd. Hamid
Ahli Jawatankuasa	: Azahar bin Jamaludin Kong Sang Junaidah binti Ibrahim

	Azimi bin Abdul Rahman
	Chai Lai Ching
	T. Thanemothy
Pemeriksa Kira-Kira	: R. Mugundan
	Rahimah binti Ibrahim

KAWASAN JEMPOL

Penaung	: YB. Dato' Haji Lilah binti Haji Yasin
Penasihat	: Tn. Haji Ujang bin Taha
	Shahidan bin Mokhtar
	Sayuti bin Mamat
	Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamaruddin bin Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Robiah binti Hamid
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Amirudin bin Yaman
Pen. Setiausaha Kehormat	: Abd. Aziz bin Otman
Bendahari Kehormat	: Rohana binti Mohd. Yusof
Ahli Jawatankuasa	: Amir Sharifudin bin Ahmad
	Tn. Haji Kahar bin Kasim
	Mohan Singh
	Zainal Abidin bin Idris
	Jamaludin bin Samsudin
	Salim bin Sarif
	Rosidah binti Abd. Rahman
Pemeriksa Kira-Kira	: Tn. Haji Hadi bin Abdul Ghani
	Elmy Azizan bin Abdul Aziz

PENULISAN PERBILANGAN ADAT: SATU SOROTAN AWAL

Oleh: Aiani Sudeen

Pendahuluan

Josselin de Jong (1960) telah menyatakan bahawa Negeri Sembilan, kerana ciri istimewanya, adalah lebih banyak dikaji oleh para sarjana berbanding dengan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan kajian tersebut adalah berbentuk deskriptif tentang pelbagai aspek budaya. Sangat kurang kajian dan penulisan yang semata-mata tertumpu kepada perbilangan adat sahaja.

Penulisan dan kajian tentang Adat Perpatih menurut Norhalim Hj. Ibrahim (1976:4) dapat dikumpulkan dalam tiga kategori utama iaitu:

1. Kajian dan penulisan untuk membantu pentadbiran kerajaan British.
2. Penulisan untuk bacaan popular.
3. Penulisan yang berdasarkan kerja lapangan atau analisis akademik penulisan lepas oleh para sarjana.

Penulis daripada kategori pertama adalah karya sarjana pentadbir Inggeris. Kebanyakan karya mereka adalah tentang kerangka kerja umum polisi tradisional, terutama aturan perwarisan harta dan perlantikan ketua-ketua adat. Hasil tulisan mereka ini kebanyakannya diterbitkan dalam *Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, Malayan Branch* dan *Malaysian Branch*, dan dalam *Papers on Malay Subjects*. Penulisan awal ini pada amnya adalah berdasarkan huraian normatif dan bukannya

berlandaskan data yang diperolehi dengan kaedah pemerhatian ikut serta secara lapangan. Namun, walaupun terdapat kesilapan interpretasi, karya-karya ini adalah bahan-bahan rujukan penting kerana ia merupakan satu-satu kumpulan karya bertulis awal tentang Adat Perpatih.

Kategori kedua adalah penulisan popular. Kebanyakan bahan-bahan ini ditulis dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam majalah-majalah seperti *Mastika*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*, dan juga dalam akhbar-akhbar tempatan seperti *Utusan Melayu* (harian), *Utusan Zaman* (mingguan), *Utusan Malaysia* (Harian), *Mingguan Malaysia* (mingguan), *Berita Harian* (harian), *Berita Minggu* (mingguan), *The Straits Times*, kemudian *The New Straits Times* (harian), *The New Sunday Times* (mingguan) dan *The Malay Mail* (harian) serta lain-lain. Sesetengah daripada karya ini agak informatif juga. Kebanyakan daripadanya adalah ditulis atau disusun semula daripada sumber-sumber sekunder yang ditulis oleh penulis-penulis daripada kategori pertama di atas.

Kategori ketiga ialah laporan kajian hasil penyelidikan lapangan yang ditujukan kepada pembaca akademik pula, dan oleh siswa-siswi sebagai latihan awal kepada penyelidikan yang sebenar. Sarjana pertama yang menggunakan kaedah penyelidikan moden di Negeri Sembilan ialah Swift (1961), seorang antropologis, yang menjalankan kajian lapangan antara tahun 1955 dan 1959. Beliau diikuti oleh siswa Universiti Malaya, yang kebanyakannya menjalankan kajian itu sebagai latihan ilmiah yang menjadi syarat untuk mendapat ijazah pertama. Di samping mereka ini terdapat juga mahasiswa yang menyiapkan tesis sama ada untuk ijazah sarjana atau doktor falsafah. Kelompok terakhir ini bukan sahaja datang dari universiti tempatan tetapi juga dari universiti luar negeri seperti England, Amerika Syarikat, Jepun dan Indonesia.

Di kalangan mereka dalam kategori ketiga ini satu nama harus disebut iaitu Josselin de Jong. Walaupun beliau tidak menjalankan kajian lapangan, tetapi telah berjaya mengumpulkan dan menganalisis hampir kesemua data bertulis yang bertaburan sejak awal hingga tahun 1940-an yang ditulis dalam bahasa Belanda dan Inggeris. Hasil kajian itu telah dijadikan dan diterima sebagai tesis doktor falsafah oleh Universiti Leiden. Tesis ini telah dibukukan dengan tajuk *Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio-political Structure in Indonesia* dalam tahun 1951. Buku ini sekarang dianggap oleh para sarjana dan penuntut adat di Negeri Sembilan dan Minangkabau sebagai karya klasik (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:7).

Sejumlah besar daripada karya-karya yang tergolong dalam ketiga-tiga kategori di atas adalah tentang sistem adat itu. Sangat kecil bilangan karya, sama ada popular ataupun akademik yang membicarakan perbilangan adat sebagai fokus kajian. Setiap satu kajian itu, walau daripada kategori manapun akan menyentuh atau menyebut perbilangan adat, tetapi digunakan setakat untuk membuktikan atau menguatkan huraian tentang sesuatu atau beberapa aspek adat - fungsi atau struktur adat. Tegasnya, kebanyakan kajian itu adalah kajian sains sosial sama ada antropologi, sosiologi atau ekonomi. Bilangan kajian yang memberi tumpuan langsung kepada perbilangan adat sebagai aspek kesusasteraan atau bahasa amat kecil bilangannya.

Oleh sebab penulisan ini bertumpu langsung kepada perbilangan adat, maka huraian berikut adalah dibataskan kepada kajian tentang perbilangan adat sahaja.

Kajian-kajian Lepas

Kajian langsung tentang perbilangan adat ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu pendokumentasian perbilangan adat dan kajian perbilangan adat.

Pendokumentasian Perbilangan Adat

Parr dan Mackray (1910) telah menulis sejarah dan adat istiadat kerajaan adat Rembau. Dalam penulisannya itu beliau telah menggunakan perbilangan adat sebagai landasan perbincangannya. Aspek yang membolehkan karya ini dikategorikan di sini adalah kerana Parr dan Mackray telah menyenaraikan segala perbilangan adat yang digunakan dalam teks penulisan sebagai lampiran. Di samping menyenaraikan, mereka juga telah membuat catatan tentang situasi kegunaan dan maksud ringkas setiap perbilangan itu. Mungkin karya mereka inilah yang terawal memberi pengertian dan makna kepada kata-kata perbilangan adat berdasarkan aspek kemasyarakatan seperti sosial, ekonomi, politik dan sejarah.

Hasil tulisan Parr dan Mackray ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (tulisan Jawi) dengan memberi kata pendahuluan oleh Abas Hj. Ali (1953). Dari segi isi dan format tulisan Abas ini tidak berbeza daripada naskah asal Inggerisnya. Hanya yang berubah adalah media penyampaian iaitu bahasa Melayu.

Dalam tahun 1916, Humphrey pula telah mengumpulkan dan merakam satu kumpulan perbilangan adat yang diperolehi daripada Ungkai Lisut, Alor Gajah, Melaka. Perbilangan ini tentang peraturan nikah kahwin. Kandungannya ialah tentang orang semenda, kedudukan lelaki selepas berkahwin dan pembahagian harta benda sekiranya berlaku perceraian. Tidak seperti Parr dan Mackray, Humphrey tidak memberi penjelasan atau penerangan kepada setiap perbilangan adat yang dirakamnya.

Humphrey telah menyambung usaha merakamkan perbilangan adat ini dalam tahun 1921. Perbilangan terbitan keduanya ini juga diperolehi dari Naning. Kali ini perbilangan adat yang dirakamnya adalah tentang pewarisan tanah pusaka tanpa memberi keterangan lanjut mengenainya.

Dua tahun kemudian, Caldecott (1918) telah mendokumentasikan sejumlah perbilangan adat yang diperolehinya daripada Luak Jelebu. Kandungan perbilangan itu tentang asal adat di Minangkabau, perbezaan Adat Perpatih dan Adat Temenggung dan asal raja-raja di Seri Menanti. Tegasnya Caldecott merakamkan terasul adat. Di samping terasul diturunkan juga perbilangan adat yang berkaitan dengan sistem kepimpinan politik adat, undang-undang jenayah mencuri, pemilikan harta pusaka dan perkahwinan. Perbezaan karya ini dengan tulisan tersebut di atas adalah Caldecott telah menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris, tetapi versi bahasa Inggeris itu tidak begitu tepat maksudnya.

Nathan dan Winstedt (1920) telah menulis tentang sejarah politik adat Luak Johol dan luak-luak Tanah Mengandung. Apa yang menarik dan berkaitan dengan penulisan ini ialah bahagian akhir sebanyak sepuluh muka. Pada bahagian ini telah didokumentasikan perbilangan adat yang diperolehinya daripada dua luak. Pertama ialah perbilangan adat untuk upacara perkahwinan, kematian isteri, perceraian, penentuan harta semasa perkahwinan, dan menghantar cincin yang diperolehi daripada luak Ulu Muar. Kedua ialah rakaman perbilangan adat yang diperolehi daripada Luak Gunung Pasir yang berkaitan dengan menyerahkan nasi panca dalam upacara perkahwinan, menjemput pengantin lelaki untuk upacara nikah, upacara menjemput suami kematian isteri. Penulis tidak memberi sebarang huraian tentang perbilangan yang dirakamkan tetapi memberi maksud beberapa kata dalam bahasa Inggeris.

Hyde (1928) telah menulis satu artikel dalam bahasa Melayu klasik dengan terjemahan Inggeris sekali. Artikel tulisannya itu adalah berdasarkan

terasul yang diperolehi dari Naning. Terasul itu menyatakan tentang asal usul adat Minangkabau (dan Adat Perpatih) yang bermula daripada kisah Sultan Iskandar sehingga perlantikan dua orang penghulu bergelar Datuk Temenggung Sri Gu dan Datuk Merpatih Pisan Sabatang (Datuk Perpatih nan Sebatang). Dengan demikian, mungkin Hyde penulis kedua yang menghuraikan maksud perbilangan adat jenis terasul dalam tulisan prosa.

Dalam tahun 1920 itu juga, Winstedt telah berjaya menerbitkan perbilangan adat yang diperolehinya dari Rembau. Perbilangan tersebut adalah jenis terasul yang menyentuh tentang terbitnya undang-undang yang empat. Undang-undang tersebut ialah:

1. dibunuh, mati, jangan berkata-kata;
2. ditanam, dalam, jangan terbau oleh hidung;
3. dijual, jauh, jangan kedengaran oleh telinga;
4. digantung, tinggi-tinggi, jangan sampai oleh pengait.

Winstedt di samping merakam telah juga memberi catatan ringkas tentangnya.

Selain hasil yang telah disebutkan tadi, Winstedt juga telah merakam satu perbilangan dalam tahun 1931. Dalam tahun 1954, bersama Josselin de Jong beliau telah merakam Undang-Undang Sungai Ujung dalam bentuk perbilangan. Rakaman mereka ini merupakan pendokumentasian perbilangan adat yang panjang iaitu sebanyak 71 muka surat. Namun, mereka tidak memberi sebarang ulasan tentang undang-undang yang terkandung dalam perbilangan itu.

Mohamed Din Ali mungkin anak Melayu yang pertama menulis buku tentang perbilangan adat. Dalam tahun 1956, beliau telah menghasilkan buku berjudul *Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu*. Di dalam buku ini telah dirakamkan kata-kata perbilangan tentang asal usul Adat Perpatih, sistem pentadbiran politik adat dan sistem ekonomi (bekerjasama), peraturan pertunangan dan perkahwinan serta hukum jenayah adat. Di samping itu beliau juga telah memberi huraian ringkas tentang setiap aspek kehidupan berkenaan secara umum.

Jamaludin Abdullah (1959) telah merakam dan membincangkan perbilangan adat tentang perkahwinan, undang-undang adat dan aspek-aspek kemasyarakatan lain yang disentuh dalam perbilangan adat. Dalam

kesimpulannya beliau telah menyatakan bahawa perbilangan dan kata-kata adat telah mengambil tempat undang-undang atau menjadi kata penghukum peraturan masyarakat lama. Kata-kata adat dan perbilangan mengandungi kebenaran, terutama tentang pergaulan hidup, pendidikan dan budi bahasa. Kata-kata adat dan perbilangan itu bertujuan memimpin ke arah perdamaian, kemajuan dan keadilan.

Ibrahim Atin (1959) telah mengumpulkan pelbagai kata perbilangan adat meliputi berbagai-bagai aspek dalam sistem Adat Perpatih. Beliau juga telah menghuraikan maksud setiap perbilangan tersebut dengan terang dan jelas, dan menunjukkan cara-cara menggunakan perbilangan itu dalam percakapan dan penulisan.

Hashim A. Ghani (1974), dalam satu kertas kerja juga turut menghuraikan maksud perbilangan berdasarkan tujuh tajuk. Antara tajuk yang dihuraikan perbilangannya ialah pusaka, tujuan beradat, sendi adat dasar adat, undang-undang adat, pemeliharaan pusaka dan kehidupan yang harmonis.

A. Samad Idris (1974), telah membicarakan tentang Adat Perpatih dalam satu kertas kerja. Bahagian kedua kertas kerja ini telah mengulas dan menghuraikan secara umum tentang isi dan juga serba sedikit tentang keindahan perbilangan adat. Walaupun penulisan ini berbentuk kertas kerja dan menyentuh tentang keindahan, namun isi dari segi persembahan dan huraian adalah berbentuk popular. Samad tidak langsung menyatakan dan mengenal pasti ciri-ciri keindahan yang ada dalam perbilangan yang dihuraikannya. Beliau hanya setakat menyatakan perbilangan itu indah, bernas dan mempunyai maksud tertentu bukan seperti yang tersurat (perlambangan?)

Penghuraian yang lebih kurang sama telah dilakukan oleh A. Samad Idris sepuluh tahun kemudian dalam satu seminar. Kertas kerja ini yang kemudiannya diterbitkan (1994) telah menggunakan dan menghuraikan beberapa perbilangan Minangkabau, yang tidak digunakan dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan, untuk menjadi data bukti. Kertas kerja ini tidak menyentuh langsung aspek keindahan perbilangan yang dihuraikan. Pada akhir penulisan itu, beliau hanya menyatakan bahawa 'Penulis, pengarang dan sasterawan dan cerdik pandai cendekiawan kita belum dapat mencipta

rangkaian pepatah petitih (perbilangan adat?) yang telah dicipta oleh Datuk Perpatih dan Ketemenggungan 500 tahun dahulu itu. Inilah keistimewanya' (A. Samad Idris, 1994:57).

Norzali Hj. Ibrahim (1987) telah berjaya mendokumentasikan kata-kata perbilangan yang digunakan dalam adat menerima cincin. Perbilangan itu diambil daripada Encik Mohd. Faridun b. Hj. Jonid di Rembau, Negeri Sembilan. Norzali tidak memberi sebarang ulasan tentang perbilangan-perbilangan tersebut.

Norzali dalam tahun yang sama (1987) bersama Yaakob Idrus telah juga merakam dan menerbitkan kata-kata perbilangan jenis terasul. Dalam penulisan, mereka hanya memberi definisi atau konsep terasul dan diikuti dengan penurunan semula perbilangan-perbilangan adat yang berkaitan dengan terasul di samping merakamkan juga kata-kata perbilangan yang digunakan dalam upacara peminangan, majlis perkahwinan dan adat mandi-mandian.

Norhalim Hj. Ibrahim (1996) telah merakamkan sejumlah besar kata-kata perbilangan yang berkaitan dengan institusi perkahwinan adat iaitu peraturan memilih jodoh, merisik, bertanya, meminang, berkahwin, bercerai hidup, bercerai mati serta upacara-upacara lain yang berkaitan. Norhalim telah berjaya mengumpulkan sebahagian besar perbilangan adat dalam bentuk dialog yang digunakan dalam setiap upacara itu. Buku ini amat berguna kepada mana-mana pihak yang ingin menjalankan upacara nikah secara beradat sama ada adat biasa, adat Buapak, adat Lembaga atau adat Undang. Dengan demikian, sejauh yang diketahui buku ini merupakan satu pendokumentasian perbilangan adat yang lengkap untuk institusi perkahwinan.

Sebagai buku yang bersifat dokumentasi di samping menerangkan bagaimana setiap peristiwa itu harus dijalankan dan berlangsung, ia tidak memberikan sebarang huraian tentang perbilangan adat itu dari segi keindahannya sebagai bahan sastera.

Norhalim Hj. Ibrahim (1997) dalam membincangkan konsep kepimpinan politik adat telah juga merakamkan pelbagai perbilangan yang berkaitan. Beliau telah membahagikan penulisannya itu kepada: siapa pemimpin adat dan kualiti yang patut ada pada diri seseorang pemimpin

adat. Dalam membicarakan kualiti pemimpin itu, beliau telah mengemukakan sembilan aspek yang diperlukan oleh adat. Untuk menyatakan yang adat memerlukan kewibawaan demikian, Norhalim telah menunjukkan perbilangan-perbilangan yang berkenaan bagi setiap kemahuan dan ciri peribadi yang diperlukan. Di samping menurunkan perbilangan adat yang menunjukkan sifat positif, beliau juga telah memberikan perbilangan-perbilangan adat yang menyatakan ciri-ciri negatif yang tidak diingini oleh aturan politik adat. Penulisan ini, sebagai satu kajian dari perspektif antropologi politik, lebih menekankan kepada penghuraian dan penganalisisan sikap positif dan negatif kepimpinan adat dan perubahan-perubahan yang berlaku, dan penulis tidak melihatnya dari segi kesusasteraan. Namun penulisan ini sangat berguna sebagai dokumentasi perbilangan adat tentang pemimpin dan kepimpinan politik adat.

Kajian Perbilangan Adat

Sehingga kini, hasil penyelidikan yang memberi tumpuan langsung kepada perbilangan adat dari segi kesusasteraan amat kecil jumlahnya. Antara yang ditemui dan dapat dikemukakan yakni yang dihasilkan oleh para penyelidik daripada pelbagai latar belakang adalah seperti berikut:

Shamsiah Abdul Rahim (1975) telah melihat dari segi bahasa perbilangan adat. Perbilangan adat yang dikaji dan dibincangkan adalah yang digunakan dalam istiadat perkahwinan yang merangkumi upacara-upacara merisik dan meminang, menghantar tanda, perkahwinan dan menyalang serta menyembah. Pada akhir kajian, Shamsiah merumuskan bahawa perbilangan adat yang digunakan bukan sahaja memberikan irama yang sedap didengar tetapi mempunyai makna yang mendalam.

Harun Mat Piah (1981) telah mengajukan satu tesis yang membicarakan permasalahan genre dan fungsi dalam konteks puisi Melayu tradisional, untuk memenuhi syarat ijazah doktor falsafah. Tesis ini telah diterbitkan dalam bentuk buku dalam tahun 1989. Salah satu genre yang diuji kaji ialah teromba. Teromba ialah istilah yang digunakan oleh Harun menggantikan istilah kata-kata perbilangan. Penguji kajian kata-kata perbilangan telah dilakukan di bahagian awal (Harun Mat Piah, 1981: 609-653; 1989: 423-458), dan Bab tujuh (1981: 609-675, 1989: 423-477). Selain membicarakan erti dan latar belakang teromba, Harun untuk membuktikan teromba itu adalah satu genre puisi Melayu tradisional telah menganalisis struktur dan bentuk, tema dan isi, dan fungsi dan penyebaran.

melalui perbilangan adatnya.

Akhir sekali, Norhanisah Ab. Wahab (1997) telah membuat kajian tentang penggunaan bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih. Kajian ini juga merupakan kajian awal kerana ia bertujuan sebagai satu latihan penulisan ilmiah untuk memenuhi syarat memperoleh ijazah Bachelar Pendidikan. Analisis gaya bahasa membolehkan Norhanisah untuk merumuskan bahawa dalam perbilangan adat itu banyak terdapat unsur pengulangan, di samping kewujudan gaya bahasa perlambangan. Kedua-dua unsur ini, menurut Norhanisah telah menceriaikan lagi perbilangan adat kerana gaya bahasa menggerakkan perkaitan perasaan dan pemikiran dengan unsur-unsur alam di samping keindahannya serta kebenaran kata-katanya.

Kesimpulan

Begitulah antara hasil-hasil penyelidikan yang memberi tumpuan langsung atau tidak langsung kepada perbilangan adat. Hasil-hasil tersebut yang ditemui dalam bentuk-bentuk makalah, kertas kerja, latihan ilmiah (termasuk kertas projek) dan buku, diusahakan oleh tiga latar atau golongan penyelidik, iaitu orientalis barat, orang-orang Melayu dan anak kelahiran tanah Adat Perpatih sendiri.

Hasil penyelidikan tentang perbilangan adat adalah lebih merupakan pengumpulan atau pendokumentasian. Ia merangkumi terasul, pepatah, petiti dan bidalan. Begitu kurang ditemui proses penyelidikan yang dilandasi oleh penelitian, penghuraian dan penapisan. Keadaan ini agak berbeza dengan hasil-hasil penyelidikan tentang aspek-aspek tertentu Adat Perpatih seperti buku-buku *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Nordin Selat, 1976) dan *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan* (Norhalim Hj. Ibrahim, 1996). Buku-buku ini, dan juga beberapa buah buku lain, aspek penyeliidikannya yang menghubungkan perbilangan adat, terhasil lebih sistematik, terperinci dan mantap. Akibat kekurangan ini, hakikat perbilangan adat itu 'banyak kiasan' dan 'tak faham kalau tak direnungkan', masih juga belum ditemui penyelesaiannya dalam hasil-hasil penyelidikan.

Bertolak daripada rumusan ini, dan berdasarkan *survey* ringkas tentang pengkajian dan penulisan hasil penyelidikan terdahulu yang memberikan tumpuan langsung kepada perbilangan adat dalam bentuk

yang komprehensif dan interpretatif ternyata amat sedikit; malahan jika mengikut pandangan Kamaruzzaman Kadir (1996:9) 'belum ditemui'. Hasil-hasil penyelidikan dalam bentuk pengumpulan dan pendokumentasian perbilangan adat sudah dapat diterima sebagai lengkap; namun ia masih terlihat semacam terpisah-pisah atau berupa episod-episod sahaja. Walaupun terdapat perbezaan antara daerah-daerah tetapi maksud konsepnya adalah sama; cuma rangkaian kata-kata dan ungkapan-ungkapannya sahaja berbeza yang timbul daripada interpretasi untuk menemukan kesesuaiannya dengan suasana tempatan.

BIBLIOGRAFI

Buku

- Abas Hj. Ali. *Rembau: Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadat*. Rembau: Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau. 1953.
- Abdullah Siddik. *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. 1975.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. 1964.
- A. Samad Idris. "Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya" dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 41-57. 1994.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994.
- Dahlan, H.M. "Sistem idea dalam Masyarakat Adat (Suatu Renungan tentang Struktur Sosial Adat Perpatih)," dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 74 - 92. 1994.
- Dharmawijaya. "Perbilangan Adat Perpatih: Ditinjau dari Segi keindahan bahasa" dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 394-402. 1994.

melalui perbilangan adatnya.

Akhir sekali, Norhanisah Ab. Wahab (1997) telah membuat kajian tentang penggunaan bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih. Kajian ini juga merupakan kajian awal kerana ia bertujuan sebagai satu latihan penulisan ilmiah untuk memenuhi syarat memperoleh ijazah Bachelor Pendidikan. Analisis gaya bahasa membolehkan Norhanisah untuk merumuskan bahawa dalam perbilangan adat itu banyak terdapat unsur pengulangan, di samping kewujudan gaya bahasa perlambangan. Kedua-dua unsur ini, menurut Norhanisah telah menceriaikan lagi perbilangan adat kerana gaya bahasa menggerakkan perkaitan perasaan dan pemikiran dengan unsur-unsur alam di samping keindahannya serta kebenaran kata-katanya.

Kesimpulan

Begitulah antara hasil-hasil penyelidikan yang memberi tumpuan langsung atau tidak langsung kepada perbilangan adat. Hasil-hasil tersebut yang ditemui dalam bentuk-bentuk makalah, kertas kerja, latihan ilmiah (termasuk kertas projek) dan buku, diusahakan oleh tiga latar atau golongan penyelidik, iaitu orientalis barat, orang-orang Melayu dan anak kelahiran tanah Adat Perpatih sendiri.

Hasil penyelidikan tentang perbilangan adat adalah lebih merupakan pengumpulan atau pendokumentasian. Ia merangkumi terasul, pepatah, petiti dan bidalan. Begitu kurang ditemui proses penyelidikan yang dilandasi oleh penelitian, penghuraian dan penapisan. Keadaan ini agak berbeza dengan hasil-hasil penyelidikan tentang aspek-aspek tertentu Adat Perpatih seperti buku-buku *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Nordin Selat, 1976) dan *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan* (Norhalim Hj. Ibrahim, 1996). Buku-buku ini, dan juga beberapa buah buku lain, aspek penyeliid-kannya yang menghubungkan perbilangan adat, terhasil lebih sistematik, terperinci dan mantap. Akibat kekurangan ini, hakikat perbilangan adat itu 'banyak kiasan' dan 'tak faham kalau tak direnungkan', masih juga belum ditemui penyelesaiannya dalam hasil-hasil penyelidikan.

Bertolak daripada rumusan ini, dan berdasarkan *survey* ringkas tentang pengkajian dan penulisan hasil penyelidikan terdahulu yang memberikan tumpuan langsung kepada perbilangan adat dalam bentuk

yang komprehensif dan interpretatif ternyata amat sedikit; malahan jika mengikut pandangan Kamaruzzaman Kadir (1996:9) 'belum ditemui'. Hasil-hasil penyelidikan dalam bentuk pengumpulan dan pendokumentasian perbilangan adat sudah dapat diterima sebagai lengkap; namun ia masih terlihat semacam terpisah-pisah atau berupa episod-episod sahaja. Walaupun terdapat perbezaan antara daerah-daerah tetapi maksud konsepnya adalah sama; cuma rangkaian kata-kata dan ungkapan-ungkapannya sahaja berbeza yang timbul daripada interpretasi untuk menemukan kesesuaiannya dengan suasana tempatan.

BIBLIOGRAFI

Buku

- Abas Hj. Ali. *Rembau: Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadat*. Rembau: Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau. 1953.
- Abdullah Siddik. *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. 1975.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. 1964.
- A. Samad Idris. "Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya" dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 41-57. 1994.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994.
- Dahlan, H.M. "Sistem idea dalam Masyarakat Adat (Suatu Renungan tentang Struktur Sosial Adat Perpatih)," dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 74 - 92. 1994.
- Dharmawijaya. "Perbilangan Adat Perpatih: Ditinjau dari Segi keindahan bahasa" dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 394-402. 1994.

- Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989.
- Ibrahim Atin. *Perbilangan Adat*. Penang: Sinaran Bros. 1959.
- Josselin de Jong, P.E.de. *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio Political Structure In Indonesia*. Leiden: Eduard Ijdo N.V. 1951.
- Mohamed Din Ali. *Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu*. Kuala Lumpur: The Economy Press Ltd. 1956.
- Mohd. Yusof Md. Nor. "Perlambangan dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum", dlm. A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.) *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. hlm. 403-411. 1994.
- Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd. 1976.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Petaling Jaya: Fajar-Bakti. 1993.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti. 1996.
- Za'ba. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1965.

Esei/Kertas Kerja/Latihan Ilmiah/Tesis

- A. Rahim Hj. Ismail. "Perkahwinan 'Tangkap khalwat' dalam 'adat yang teradat' dalam Adat Perpatih". *Warisan*. No. 18. hlm. 59-67. 1994.
- A. Samad Idris. "Kemurnian dalam Adat Perpatih." Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih, Seremban. 10-12 April. 1974.
- Azizah Ujang. 'Perbilangan Adat Perpatih: Penilaian dari Segi Etik dan Estetika'. Latihan Ilmiah. Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1983/84.
- Caldecott, A. "Jelebu, Customary Songs and Sayings." *Journal of Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 78. hlm. 3-41. 1918.

- Hashim A. Ghani. "Kata Perbilangan dan Tafsirannya." Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih, Seremban. 10-12 April. 1974.
- Humphrey, J.L. "A Naning Wedding-Speech." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 72. hlm. 25-33. 1916.
- Humphrey, J.L. "A Naning Recital." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 83. hlm. 1-29. 1921.
- Hyde, A. "A Naning Terombo". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 6 (4). hlm. 49-53. 1928.
- Jamaludin Abdullah. "Kata-kata Adat dan Perbilangan." *Mastika*. Mac. hlm. 4. 1959.
- Kamaruzzaman A. Kadir. "Perbilangan Adat Perpatih: Ditinjau dari segi Keindahan Bahasa." Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. 3-5 Mei. 1984.
- Kamaruzzaman A. Kadir. "Perbilangan Adat: Penilaian dan Hasil Penyelidikan." Kertas Kerja Seminar Pengemaskinian Pensejaraan Malaysia, Seremban. 29 Ogos. 1996.
- Mohd. Din Ali. :Kesusasteraan Melayu dari Segi Adat Perpatih." *Dewan Bahasa*. Jld. 1, Bil. 2. hlm. 85-95. 1957.
- Mohd. Yusof Md. Nor. "Perlambangan dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum." Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. 3-5 Mei. 1984.
- Nathan, J.E. dan Winstedt, R.O. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi, Their History and Constitution." *Papers on Malay Subjects*. 2nd. Series. Calcutta: The Baptist Mission Press. 1920.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan (Malaysia)*. tesis M.A. Hull: University of Hull. 1976.
- Norhalim Hj. Ibrahim. "Peranan Kepimpinan dalam Adat Perpatih." *Warisan*. No. 20. hlm. 7-41. 1997.
- Norhalim Hj. Ibrahim. "Peranan Institut Adat dalam Pembangunan dan Pentadbiran

Tanah". Kertas Kerja Seminar Pemantapan Nilai Islam dalam Sistem Adat Perpatih, Seremban. 24-25 November. 1997(a).

Norhanisah Abd. Wahab. 'Penggunaan Bahasa dalam Perbilangan Adat Perpatih'. Latihan Ilmiah. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. 1997.

Norzali Hj. Ibrahim. "Perbilangan Menerima Cincin." *Warisan*. No. 12. 1987.

Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H. "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Custom". *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 56. hlm. 1-157. 1910.

Ramli Othman. 'Perbilangan Adat: Analisis dari Segi Falsafah dan Gaya Bahasa'. Latihan Ilmiah. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. 1993.

Sete Ramlah Lazis. 'Perbilangan dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan Dilihat dari Segi Bentuk dan Bahasa'. Latihan Ilmiah. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 1985/86.

Shamsiah Abdul Rahim. 'Bahasa Perbilangan dalam Istiadat Perkahwinan dalam Adat Perpatih: Satu Contoh'. Latihan Ilmiah. Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia. 1975.

Winstedt, R.O. "Some Rembau Customary Sayings." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 6 (4). hlm. 54-55. 1928.

Winstedt, R.O. "A Jelebu Customary Saying." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 9 (1). hlm. 136. 1931.

Winstedt, R.O. dan Josselin de Jong, P.E. de. "A Digest of Customary Law from Sungai Ujung". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 27 (3). hlm. 1-71. 1954.

Yaacob Idrus. "Perbilangan Adat Pinang Meminang." *Warisan*. No. 11. hlm. 47-56. 1986.

Yaacob Idrus dan Norzali Hj. Ibrahim. "Teromba dan Perbilangan Adat." *Warisan*. No. 12. hlm. 47-56. 1987.